

**UCAPAN NAIB CANSOLOR
Y.BBHG.TAN SRI PROF.DATUK SERI PANGLIMA DR.ABU
HASSAN OTHMAN**

**[Majlis Perasmian Tamu Gadang 08 Okt 2003(Rabu), 8.30 pagi, Padang
Kawad PALAPES UMS)**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**UCAPAN NAIB CANSOLOR,
Y.Bhg. Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman**

**MAJLIS PERASMIAN TAMU GADANG KE-5
8 Oktober 2003 (Rabu), 8.30 pagi, Padang Kawad PALAPES UMS
"Memperkukuhkan Kualiti Dalam Mahasiswa"**

- Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Hamid Egoh
Pengerusi Lembaga Pengarah UMS dan Y. Bhg. Puan Sri
- Yang Berhormat Datuk Hj. Abdul Rahim Ismail,
Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Sabah
- Yang Berhormat Pembantu-Pembantu Menteri
- Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Dekan-Dekan/Ketua-Ketua Jabatan/Pengetua Kolej Kediaman
- Para pegawai dan kakitangan universiti
- Yang Berusaha Saudara Safri Raupu
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMS sesi 2003/2004 dan barisan exco
- Yang Berusaha Saudara Tukau Anak Aleh
Pengaruh Pesta Tamu Gadang Kali Ke-5, Tahun 2003
dan jawatankuasa, a.
- Para Mahasiswa dan Mahasiswi
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian



Assalamualaikum w.t.w dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya, sekali seperti tahun-tahun sebelumnya kita masih diberi kekuatan dan keafiatan bersama-sama dalam majlis perasmian pesta Tamu Gadang sempena Pesta Konvokesyen Universiti unuk kali ke-5 tahun 2003 ini.

Sebelum itu, pihak universiti ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Hamid Egoh, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS dan Puan Sri yang telah sudi meluangkan masa dan seterusnya merasmikan majlis kita pada pagi ini.

Sesungguhnya '*morale support*' yang ditunjukkan oleh Y.Bhg.Tan Sri seperti ini pastinya akan meningkatkan lagi semangat dan inspirasi membangunkan UMS sebagai universiti bertaraf antarabangsa.

Y.Bhg. Tan Sri, hadirin sekalian;

(Intepretasi di sebalik Pesta Tamu Gadang)

Seperti tahun-tahun sebelumnya, idea pesta Tamu Gadang yang telah diasaskan sejak 5 tahun dahulu adalah untuk memeriahkan lagi suasana sambutan majlis konvokesyen universiti di samping beberapa faedah disebalik perlaksanaanya.

Pesta ini juga menandakan bermulanya program 'Hari Terbuka Universiti' yang mana memberi peluang lebih dekat dan mesra kepada para pelajar, bakal graduan, ibu bapa, keluarga dan masyarakat seluruhnya melihat sendiri pembangunan dan kemajuan universiti ini.

Penglibatan pelbagai syarikat dan agensi dalam pesta ini akan meningkatkan kerjasama universiti di samping memberi peluang untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing.

Bagi para pelajar yang terlibat pula, tentunya akan dapat memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di samping dapat membina beberapa kemahiran dalaman atau '*soft skills*' lain seperti kemahiran pengurusan organisasi, kepimpinan, perancangan, pengawalan dan kemahiran membuat keputusan.

Justeru itu, dikesempatan ini saya memesan kepada para pelajar yang terlibat agar sentiasa berfikiran positif dan memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi untuk mencapai kecemerlangan diri di masa hadapan.

Y.Bhg. Tan Sri, hadirin sekalian;

(UMS Terus Cemerlang)

UMS akan terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang sama dari sudut pembangunan fizikal kampus, akademik, penyelidikan dan pembangunan sahsiah pelajar.

Pembangunan fizikal universiti akan lebih terserlah dan bersejarah apabila buat pertama kalinya, Majlis Konvokesyen Universiti Kali Ke-5 pada 11 & 12 Oktober nanti diadakan di Dewan Besar universiti. Seramai 2408 graduan akan menerima ijazah masing-masing daripada Tun Canselor.

Dari sudut pembangunan akademik pula, penambahbaikan terhadap kursus dan program pengajian universiti akan terus dilakukan bagi memastikan ianya sentiasa bersifat '*market driven*'. Contohnya program pengajian Sarjana Muda Perubatan yang telah diperkenalkan mulai sesi 2003/2004 ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tenaga pakar negara dalam bidang perubatan.

Untuk meningkatkan swudaya, ketrampilan dan sahsiah pelajar, program-program ko-kurikulum akan terus diperbaiki dan ditambah nilai. Program UMS-ODEC yang telah diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan daya ketahanan fizikal, mental dan spritual di kalangan pelajar. Program-program sukan baru lain turut diperkenalkan termasuklah sukan air dan sukan berkuda.

Selain itu, dalam proses pengantarabangsaan universiti, pelbagai program dan aktiviti kerjasama telah dan akan terus dirancang termasuklah lawatan sambil belajar ke luar negara oleh kumpulan pelajar seperti ke India, New Zealand, Australia, China, Jepun, United Kingdom, Francis dan sebagainya.

Mahasiswa-Mahasiswi sekalian;

(Nikmat Kemajuan UMS harus dikongsi bersama)

Kepesatan pembangunan kampus UMS sehingga kini adalah hasil kerjasama dan perpaduan semua pihak termasuklah para pelajar.

Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membangunkan universiti ini. Pelbagai kemudahan canggih dan terkini telah tersedia untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti.

Inilah sumbangan terbesar pihak Kerajaan terhadap pembangunan pendidikan tinggi masyarakat, bangsa dan negara. Oleh itu, kita perlu bersyukur dan berterima kasih dengan nikmat tersebut.

Para pelajar juga harus berakuntabiliti terhadap kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti. Sifat sayangkan kemudahan universiti atau '*sense of belongings*' perlu ada kerana kemudahan tersebut adalah keperluan para pelajar sendiri untuk menimba ilmu di universiti ini.

Akhir kata, semoga kita akan terus berkerjasama dan bersatu-padu membangunkan universiti ini menjadi universiti berprestij dan bertaraf dunia.

Syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus menjayakan Pesta Tamu Gadang Kali-5 ini. Semoga akan dapat memperolehi dan memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman menguruskan aktiviti besar seperti ini.

Kepada semua pihak yang terlibat menjayakan pesta kali ini khususnya seperti :

- Pasukan Tentera Darat Malaysia, Kem Lok Kawi
- Pasukan Polis Di Raja Malaysia
- Pasukan Ambulans dan Bulan Sabit Merah
- Pihak media khususnya RTM, cawangan Sabah
- Pasukan PALAPES UMS
- Persatuan, syarikat dan agensi yang terlibat
- Serta para pelajar daripada setiap kolej kediaman. Syabas dan tahniah kepada pihak kolej kediaman yang sentiasa ceria berbaris pada pagi ini.

Bagi pihak universiti juga, sukacita saya turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua syarikat mahupun orang perseorangan yang telah memberikan sumbangan dan tajaan pesta Tamu Gadang UMS Kali Ke-5 ini.

Semoga UMS akan terus gemilang mencapai beberapa lagi kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dan semoga nikmat kemajuan dan pembangunan universiti ini akan terus dikongsi dan dipelihara bersama oleh semua pihak.

Sekian. Terima Kasih.